



Digital Perak diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Tuan Meor Rezal Fitri bin Dato' Dr. Hj. Meor Redwan manakala PTSB diwakili oleh Ketua Eksekutif Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP), En. Mohd Ariff bin Yeop Ishak. Turut menyaksikan pertukaran tersebut adalah Ketua Bahagian Pelaburan, Pembangunan dan Promosi PTSB, En. Syed Omar Albar Bin Syed Abdullah.

IPOH, JULAI 28, 2020 – Selaras dengan matlamat untuk merencanakan kembali sektor ekonomi Negeri Perak sebagai satu langkah pemulihan pasca pandemik Covid-19, satu majlis pertukaran memorandum persefahaman (MoU) telah diadakan antara Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) dan Perak Team Work Sdn. Bhd. (PTSB).

Kerjasama strategik ini dicapai untuk menggalakkan penggunaan kemudahan-kemudahan coworking space, iaitu ruang kerja bersama serta ruang pejabat kepada lebih ramai lagi usahawan kecil tempatan, freelancer, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan korporat yang disediakan oleh syarikat-syarikat di bawah kerajaan Negeri Perak dengan bayaran yang berpatutan.

Kemudahan-kemudahan co-working space yang disediakan adalah di Hub Inovasi & Multimedia (HiM) di pasar raya besar Mydin Meru Raya serta di kafe Bean Here! Coffee & Ice Cream Co. and Communal Workspace – The Space di Aras 11, Bangunan Perak Techno Trade Centre (PTTC) di Meru Raya dan di Kuala Lumpur pada masa akan datang. Di samping itu, HiM juga menyediakan ruang aktiviti-aktiviti Makerspace dan merupakan pusat kursus latihan ICT bagi semua lapisan masyarakat setempat.

Langkah ini turut membantu usahawan-usahawan kecil tempatan yang terjejas untuk mengadaptasi kepada pendigitalan perniagaan seperti kaedah komunikasi antara majikan dengan pelanggan dan pekerja, pengiklanan dan aktiviti promosi, aplikasi pesanan dan kajian pasaran selain memudahkan perolehan latihan ICT untuk terus berdaya saing pada masa yang sukar ini.

Majlis ini telah disempurnakan oleh Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu secara pertemuan maya melalui siaran video langsung dengan teknologi kolaborasi digital di Bean Here! Coffee & Ice Cream Co. and Communal Workspace – The Space.

Majlis ini juga telah dijalankan secara live streaming sebagai amalan norma baharu melalui YouTube PiOR.TV dan Facebook Perbadanan Kemajuan Negeri Perak serta Facebook Bean Here! Coffee & Ice Cream Co. and Communal Workspace –The Space.



Majlis tersebut telah dihadiri oleh kira-kira 40 orang tetamu yang terdiri daripada ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan. Majlis dimeriahkan lagi dengan kehadiran penyanyi dan pelakon, Liza Hanim sebagai pengacara majlis ini.

MAJLIS PERTUKARAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA DIGITAL PERAK DENGAN PERAK TEAM WORK

**DIGITAL PERAK DAN PERAK TEAM WORK
MENGERAKKAN INISIATIF
MEMBANTU USAHAWAN-USAHAWAN KECIL
TEMPATAN MELALUI MANFAAT
KEMUDAHAN CO-WORKING SPACE**